

Headline	100,000 jangkitan baharu HIV/AIDS di China		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	8	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	834 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mahani Ishak	AdValue	RM 28,639
Frequency	Daily	PR Value	RM 85,917



# 100,000 jangkitan baharu HIV/AIDS di China

**Susunan Mahani Ishak**  
mahani@bh.com.my

**M**eskipun masih terkawal, wabak HIV/AIDS tentu menggerunkan sesiapa saja umpama nyawa berada di hujung tanduk, tidak kira penghidap dapat dijangkiti penyakit itu secara sengaja atau tidak.

Tidak kira di mana, ada saja penyakit ini. Misalnya, China merekodkan 100,000 kes jangkitan baharu di negara itu bagi tempoh tahun lalu berbanding tahun sebelumnya.

Menurut laporan media tempatan, sebanyak 104,000 kes jangkitan baharu pada tahun lalu iaitu peningkatan 14.8 peratus pada tahun sebelumnya.

Kenyataan itu dikeluarkan pihak berkuasa kesihatan pusat yang berpangkalan di Beijing menerusi pendedahan yang dibuat kepada media pada 15 Januari lalu.

## Sedia lebih banyak antivirus

Naib Ketua Suruhanjaya Kesihatan dan Perancangan Keluarga Kebangsaan (NHFPC), Wang Guoqiang, berkata bagaimanapun kadar keseluruhan jangkitan dan jumlah kes HIV/AIDS berada pada tahap yang rendah.

"Pada tahun lalu, kerajaan ter-

paksa meningkatkan 21.2 peratus vaksin antivirus untuk diberikan kepada 104,000 pesakit baharu HIV/AIDS, iaitu tambahan 19,000 pesakit.

"Meskipun angka ini dilihat masih terkawal, kerajaan tetap bimbang dengan trend itu yang menunjukkan penularan wabak tinggi di kawasan tertentu di negara

China," katanya pada sidang kebangsaan penyakit kawalan di Beijing, China, baru-baru ini.

Wang berkata, peningkatan penularan itu disebabkan jangkitan ibu kepada anak, berkongsi jarum suntikan dan hubungan seksual.

"Selain itu, kita juga mendapati golongan muda dan tua menyumbang kepada peningkatan wabak HIV/AIDS di China.

"Sebagai langkah berjaga-jaga kerajaan juga mengetatkan pemantauan virus di pusat pengumpulan darah dan menumpukan kes kepada ibu yang baru melahirkan pada tahun ini," katanya.

## Pencegahan dalam kumpulan

Beliau berkata, perubahan sosial digesa memainkan peranan dan membudaya kerja pencegahan dalam kumpulan berisiko bagi membendung transmisi seksual.

"Selain itu, kerajaan juga komited meningkatkan pengesanan

» Meskipun masih terkawal, penularan wabak tinggi di kawasan tertentu cetus kebimbangan

penyakit termasuk meningkatkan pemantauan, laporan dan maklum balas.

"Ini termasuk usaha mencegah wabak kemungkinan penyakit berjangkit lain, seperti selesema burung, H7N9, campak, denggi dan Ebola," katanya.

## Kawalan ketat di pusat darah

Susulan kepada kanak-kanak perempuan berusia lima tahun yang dijangkiti HIV selepas melakukan pemindahan darah, kerajaan republik itu mahu badan bertanggungjawab membuat ujian lebih ketat.

Jurucakap NHFPC, Moo Qun'an, berkata langkah itu bagi mengesan virus terutama di pusat bekalan darah yang menyebabkan seorang kanak-kanak berusia lima tahun yang dijangkiti HIV/AIDS segera melakukan pemindahan darah, baru-baru ini.

"Kanak-kanak berkenaan sebelum itu menjalani pembedahan hati dan dimasukkan darah kerana kompikasi teruk selepas empat



“Meskipun angka ini dilihat masih terkawal, kerajaan tetap bimbang kepada trend menunjukkan penularan wabak tinggi di kawasan tertentu di negara China”

**Wang Guoqiang,**  
Naib Ketua NHFPC



jam dibedah. Kes ini sangat menyayat hati dan kerajaan akan mengurangkan risiko menerusi penggunaan Ujian Asid Nukleik (NAT) yang dilakukan mulai sekarang," katanya.

Katanya, NAT itu berupaya mengesan virus dan bakteria yang kebiasaan tidak dikesan melalui ujian darah.

"Kaedah tradisional itu mengambil masa 20 hari untuk mengesan virus HIV dan agak terlambat kerana virus sudah memasuki tubuh pesakit," katanya bahawa ujian NAT dilakukan sebelum pemindahan darah dibuat. **AGENSI**



Kempen HIV/AIDS giat dijalankan untuk mencegah penularan wabak itu.